



---

**PEKELILING MAJIKAN BIL 11/98**

**PERMOHONAN GERAN LATIHAN BAGI KURSUS YANG TEMPOHNYA KURANG DARIPADA TUJUH (7) JAM DAN BANTUAN KEWANGAN BAGI PAKEJ SEWA HOTEL**

**1. Tujuan**

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan mengenai perkara berikut:
- a) Permohonan geran latihan bagi kursus-kursus yang tempoh keseluruhan jam latihan kurang daripada tujuh (7) jam tidak akan diberi pertimbangan; dan
  - b) Bantuan kewangan bagi pakej sewa hotel hanya akan dipertimbangkan bagi hotel/tempat latihan yang berdekatan dengan premis majikan sahaja.

**2. Latarbelakang**

- 2.1 Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) sering menerima permohonan Geran Latihan bagi program-program latihan yang keseluruhan jam latihan adalah kurang daripada 7 jam. Program latihan yang kurang daripada 7 jam bukanlah merupakan program latihan tetapi sebaliknya lebih merupakan sesi taklimat. Sehubungan dengan itu, matlamat untuk meningkatkan kemahiran pekerja tidak akan tercapai. Hasrat Kerajaan mewujudkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia adalah untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja supaya mereka lebih kompetan dalam menjalankan tugas. Dengan demikian, latihan yang diberikan kepada pekerja hendaklah mampu menjadikan mereka sebagai seorang pekerja yang kompetan. Tempoh latihan yang sangat singkat tidak membolehkan pekerja mendapat kemahiran dan pengetahuan yang boleh meningkatkan kekompetanan mereka.
- 2.2 Pihak MPSM juga sering menerima permohonan bantuan kewangan untuk pakej sewa hotel yang jarak hotel berjauhan dengan premis majikan sedangkan terdapat hotel/tempat latihan yang berdekatan. Tujuan Majlis memberi bantuan kewangan bagi pakej sewa hotel ini adalah untuk membantu majikan yang tidak mempunyai kemudahan latihan dalaman menjalankan latihan di hotel. Untuk itu, majikan diminta menggunakan perkhidmatan hotel yang terdekat bagi menjimatkan kos. Amalan menggunakan hotel yang berjauhan dengan premis majikan hendaklah diberhentikan dan permohonan sedemikian tidak akan dipertimbangkan. Majikan hendaklah menggunakan perkhidmatan hotel/tempat latihan yang paling berdekatan dengan premis syarikat untuk menjimatkan kos latihan.

**3. Permohonan Geran Latihan**

- 3.1 Latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja merupakan pemangkin kepada peningkatan kualiti, produktiviti dan daya saing majikan. Dengan demikian, latihan yang diberikan kepada pekerja hendaklah mampu membantu meningkatkan kecekapan mereka. Untuk itu, program-program latihan yang bersifat taklimat dan

tempoh keseluruhan jam latihan kurang daripada tujuh jam, tidak akan diberi pertimbangan untuk mendapat geran latihan.

3.2 Bantuan kewangan untuk pakej sewa hotel merupakan suatu kemudahan bagi membolehkan majikan yang tidak mempunyai kemudahan latihan di premis mereka masih boleh menjalankan latihan dalaman dengan menggunakan kemudahan hotel. Dengan itu, bagi menjimatkan kos latihan, majikan diminta menggunakan kemudahan hotel/tempat latihan yang berdekatan dengan premis mereka.

3.3 Sehubungan dengan itu, pihak Majlis telah mengambil keputusan bahawa:-

a) Sebarang program latihan yang menggunakan hotel atau tempat-tempat latihan lain selain daripada premis majikan tanpa alasan yang munasabah akan di tolak;

b) Sekiranya majikan terpaksa menggunakan hotel atau tempat latihan kerana tidak mempunyai bilik latihan sendiri, hanya hotel atau tempat latihan yang berhampiran sahaja yang layak di pohon, manakala hotel atau tempat latihan yang jauh dan melebihi 50 km daripada premis majikan sedangkan terdapat hotel/tempat latihan berdekatan dengan premis majikan, bantuan kewangan untuk pakej sewa hotel tidak akan dipertimbangkan;

#### **4. Tarikh Kuatkuasa**

Pekeliling Majikan Bil 11/98 ini berkuatkuasa serta merta. Dengan itu pihak majikan disarankan merancang dengan rapi program-program latihan yang boleh meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja supaya mereka lebih berkeupayaan menjalankan tugas yang akan membantu meningkatkan produktiviti dan daya saing majikan.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(RUSNAN BIN SAMAT)**

Pengarah,

Bahagian Geran Latihan

b.p. Ketua Pengarah Majlis Pembangunan Sumber Manusia

